

# PERANAN IBU BAPA DALAM PEMBENTUKAN GENERASI RABBANI MELALUI PENERAPAN AGAMA DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

***PARENTS' ROLE IN FORMING GENERATIONS OF RABBANI THROUGH THE APPLICATION OF RELIGION IN FAMILY INSTITUTIONS***

**Najdah Hanum Nasiruddin<sup>1</sup>, Mohd Saifuddin bin Abdul Karim<sup>2</sup>, Ahmed Mahmoud Ahmed Mahmoud<sup>3</sup> & Mohamad Fathi Mohd Yunos<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Guru Sekolah Menengah Agama Al Basriah Kuala Tembeling, 27020 Kuala Tembeling, Pahang.

<sup>2</sup>Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan, Pahang.

<sup>3</sup>Pensyarah Jabatan Syariah Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan, Pahang.

<sup>4</sup>Mudir Madrasah Tahfiz Quran Al-Wasi, Jalan Teratai, Taman Johor Jaya, 81100, Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Email: najnaseer95@gmail.com

## Article history

**Received date** : 1-09-2021  
**Revised date** : 5-09-2021  
**Accepted date** : 1-10-2021  
**Published date** : 1-11-2021

## To cite this document:

Nasiruddin, N. H., Abdul Karim, M. S., Ahmed Mahmoud, A. M., & Mohd Yunos, M. F. (2021). Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Generasi Rabbani Melalui Penerapan Agama Dalam Institusi Kekeluargaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(41), 136 - 144.

**Abstrak:** Artikel ini membincangkan tentang peranan ibu bapa dalam menerapkan ilmu agama dalam diri anak-anak sejak kecil bagi menghadapi kehidupan yang semakin mencabar. Dapat dilihat bahawa dalam keadaan negara semakin maju, timbul pelbagai isu gejala sosial dalam kalangan anak-anak berpunca daripada sikap lepas tangan ibu bapa tentang hal berkaitan agama. Makalah ini ditulis adalah bertujuan untuk memberi penekanan tentang aspek kepentingan pendidikan agama sejak kecil serta menjadi garis panduan kepada keluarga yang ingin mencapai keharmonian bersama serta mewujudkan keluarga ke arah generasi rabbaniyah iaitu memupuk sifat mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah Swt dengan ilmu dan amal yang sempurna mengikut suruhanNya serta menjauhi laranganNya. Penulisan ini adalah berbentuk kajian kualitatif iaitu kajian perpustakaan menganalisis jurnal, artikel serta sumber-sumber lain berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil penelitian mendapati bahawa ibu bapa merupakan individu terpenting dalam memberi pengaruh serta mencorak kehidupan anak-anak kerana mereka merupakan 'role model' dimana anak-anak akan mengikuti tingkah laku dan sikap ibu bapa mereka. Peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya juga perlu difahami dengan lebih jelas agar tidak disesali pada masa akan datang. Ini kerana, sebagai orang tua, tugas mereka adalah untuk memastikan anak-anak memahami tanggungjawab mereka diciptakan serta menjadi masyarakat yang mampu memberi manfaat, tidak lain hanyalah untuk mencari reda Allah Swt.

**Kata Kunci:** Peranan Ibu Bapa , Sifat Rabbani

**Abstract:** This article discusses the role of parents in applying religious knowledge in children from an early age to face the increasingly challenging life. It could be seen that in the increasingly developed country, various issues of social symptoms arise among children due to the careless attitude of parents on matters related to religion. This paper is written to emphasize the importance of religious education since childhood and be a guideline for families who want to achieve harmony together and create a family towards the rabbaniah generation by implementing Rabbani character that is to cultivate the nature of complete devotion to Allah Swt with knowledge and perfect deeds according to His instructions and stay away from His prohibitions. This writing is in the form of a qualitative study that is a library study analyzing journals, articles and other sources related to the title of the study. The results of the study found that parents are the most important individuals in influencing and shaping the lives of children because they are a role model where children will follow the behavior and attitudes of their parents. This because, the job as parents is to ensure that children understand the responsibilities on why they were created, as well as to be a society that is able to provide benefits, and to seek the pleasure of Allah Swt.

**Keywords:** Parents' Role, Rabbani Character

---

## Pendahuluan

Kepentingan nilai moral kepada anak-anak perlu diberi perhatian ekoran masalah gejala sosial yang semakin membimbangkan (Hamzah, Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial, 2019). Sikap dan keperibadian seseorang dipengaruhi oleh pelbagai aspek antaranya baka, emosi, tubuh badan, keadaan fizikal, pengaruh keluarga, pengaruh rakan, pengaruh sekolah, pengaruh sosiobudaya, akal fikiran, pengalaman pada zaman kanak-kanak, dan pengaruh kebudayaan (Rouyan, 2016). Dalam fasa umur kanak-kanak dari 0 hingga 9 tahun dan fasa remaja iaitu 10 hingga 21 tahun, golongan ini berada dalam fasa perkembangan konflik iaitu perubahan terhadap sifat biologi dan peranan sosial (perkembangan seksual) serta perubahan personaliti mereka yang menandakan nilai kematangan seseorang (Syazwana Aziz, 2019).

Ibu bapa pula merupakan individu penting yang bertanggunjawab dalam mendidik anak-anak kerana mereka merupakan 'educator' iaitu individu yang berperanan dalam memberi pendidikan kepada anak-anak bagi mencapai kebahagiaan berkeluarga (Habibie Bte Hj Ibrahim, 2018). Natijah yang dihasilkan dari keperibadian dan ketramplinan anak-anak adalah ditentukan oleh didikan orang tua mereka sama ada baik atau buruk akhlak mereka melalui cara didikannya. Ini adalah disebabkan, pendidikan ibu bapa merupakan pendidikan pertama sebelum mereka mendapat pendidikan-pendidikan lain dan pendidikan ini juga bersifat informal iaitu tidak terikat dengan waktu dan program pendidikan secara khusus (Rufaeadah, 2016). Ini menunjukkan bahawa ibu bapa merupakan faktor utama dalam menyumbang kearah pembentukan sikap serta keperibadian anak-anak mereka. Namun begitu, dalam mengorak arus kemodenan, pelbagai isu gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja semakin membimbangkan.

Wujud pelbagai fahaman baru bagi memenuhi keinginan hati membuatkan mereka semakin jauh dengan nilai keagamaan. Remaja kini cenderung untuk menafsir agama dengan hanya menggunakan akal serta bertindak mengikut kebebasan hati sehingga wujud fahaman agnostisme iaitu meletakkan pemikiran melebihi agama sehingga merasakan agama itu boleh

berubah berpandukan keinginan nafsu semata-mata. Hakikatnya, mereka kurang menghayati agama dalam kehidupan sehingga pengaruh budaya barat dapat meresap ke dalam diri mereka serta menjadikan mereka lebih cenderung ke arah memperjuangkan emansipasi (Persekutuan, 2018).

Keluarga merupakan salah satu institusi pendidikan (Hasbi, 2012), kepincangan akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja kini membuktikan bahawa masih ada kelompongan dari segi peranan ibu bapa dalam memberi didikan agama kerana isu keruntuhan moral ini berkait rapat dengan pengaruh diri sendiri, keluarga, rakan sebaya, pengaruh masyarakat sekeliling dan media massa dan sebagainya (Hamzah, Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial, 2019). Dapatkan kajian menunjukkan semakin tinggi pendidikan dan pemahaman agama, semakin berkurang kecenderungan remaja untuk melakukan perkara yang boleh merosakkan akhlak. Dalam perkara ini, aspek keagamaan merupakan suatu elemen penting yang perlu diberi perhatian melalui pengukuhan dan penerapan nilai agama bagi mengekang masalah sosial yang berterusan. (Fauziah Ibrahim, 2012).

Pendidikan dan agama perlulah selari dalam diri anak-anak. Pendidikan yang baik adalah pendidikan yang dapat memberi impak positif terhadap seseorang melalui ketahanan dalaman, luaran, mempunyai kekuatan dalam mengendalikan diri, serta dapat menjadi pemimpin yang mempunyai nilai keagamaan yang tinggi dalam diri iaitu mengikuti apa yang telah diturunkan oleh Allah Swt melalui Al Quran serta mengikuti apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah Saw dalam hadis baginda. Dengan adanya pendidikan kearah keagamaan, ini menjadikan anak-anak akan tumbuh dalam suasana yang lebih baik dan dapat menjadikan mereka cenderung kearah generasi Rabbaniyah. (Robaeah, 2020)

### Sorotan Literatur

Peranan ibu-bapa merupakan aspek terpenting untuk memastikan anak-anak mereka menjadi generasi Rabbani melalui penerapan ilmu agama dalam diri mereka. Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, peranan bermaksud tugas sama ada dalam mana-mana bahagian atau pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang bagi menjayakan sesuatu (Pustaka, 2017). Manakala berdasarkan Collin's Dictionary, peranan diterjemahkan sebagai '*role*' iaitu '*particular position or function in a situation or society*', yang membawa maksud kedudukan atau fungsi dalam sesuatu situasi atau masyarakat (Publishers, n.d.). Jelasnya, peranan merupakan tanggungjawab yang digalas oleh individu dalam memastikan sesuatu matlamat tercapai.

Perkataan Rabbani pula bermaksud ketuhanan (Dewan Bahasa Dan Pustaka, n.d.). Perkataan ini diulangi sebanyak tiga kali di dalam al-Quran dan menurut Al-Raghib Al-Ashfahani mengatakan Al-Rab menurut etimologinya membawa maksud al-tarbiyyah iaitu pendidikan. Pendidikan Rabbani bermaksud pendidikan yang membentuk generasi ke arah akidah dan akhlak, memahami kepentingan ilmu untuk mengurus diri dan bersistem. Dalam memahami maksud Rabbani, beberapa tujuan pendidikan Rabbani telah dibincangkan dalam kajian Sarbini,M (2012) iaitu dalam penulisannya penulis membincangkan tujuan pendidikan Rabbani terbahagi kepada lima indikator, iaitu indikator keimanan, indikator akhlak, indikator keilmuan, indikator sosial kemasyarakatan, dan indikator kepimpinan, dimana setiap indikator mempunyai nilai tersendiri. Sudah pasti, bagi menyempurnakan pendidikan Rabbani, perlulah melalui kelima-lima indikator penting ini. (Wahidin, 2020)

Ibu bapa berperanan penting dalam mendidik serta membentuk keperibadian anak mereka sehingga natijah daripada didikan itu sama ada baik atau buruk ditentukan oleh pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa mereka. Ini membuktikan bahawa, peranan yang digalas oleh ibu bapa dianggap sebagai satu tugas yang penting untuk membentuk generasi Rabbani. Dalam konteks agama, ibu bapa merupakan individu yang paling bertanggungjawab dalam mencorak emosi dan kemenjadian anak-anak serta menyemai nilai-nilai keagamaan dalam diri mereka berdasarkan hadis Rasulullah Saw yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam al-Muslim yang bermaksud “Tidak ada seorang bayi yang dilahirkan melainkan dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih daripada sebarang dosa), maka kedua ibu bapanya lah yang akan menjadikan anak itu sama ada sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Hung, 2020)

### Latar Belakang Kajian

Pada era globalisasi ini, masyarakat sudah sinonim dengan permasalahan sosial yang melibatkan golongan remaja dan perkara ini amat merunsingkan. Masalah seperti penzinaan, gengsterisme, penyalahgunaan dadah dan arak dalam kalangan belia muda islam sangat membimbangkan sehingga membawa kepada masalah yang lebih besar seperti jenayah ragut, bunuh, rogol dan sebagainya. Dapatkan kajian Husin Junoh (Junoh, 2011) mendapati bahawa masalah yang berlaku dalam kalangan remaja adalah disebabkan kelalaian ibu bapa dalam memberi pendidikan agama kepada anak-anak mereka. Kajian ini disokong oleh kajian yang menyatakan bahawa kecenderungan seorang anak terlibat dengan gejala sosial adalah disebabkan ketidakseimbangan antara pendidikan jasmani dan rohani yang menyebabkan permasalahan kian membimbangkan (Sa’ari, 2020).

Lebih membimbangkan apabila ia melibatkan akidah mereka sebagai penganut agama Islam. Akhbar harian melaporkan antara masalah yang membelenggu masyarakat hari ini adalah pengaruh agnostik iaitu kepercayaan bahawa tuhan itu wujud tetapi tidak mempercayai ajaran agama. Mereka merasakan bahawa agama tidak dapat menyelesaikan masalah masyarakat serta menyalahkan aturan kehidupan yang telah ditakdirkan Allah Swt. Ini adalah disebabkan kegagalan ibu bapa dalam memberi penghayatan agama yang baik dalam diri anak-anak mereka sehingga timbul masalah yang dapat menganggu gugat akidah anak mereka. Perihal ini semakin membarah dalam komuniti Islam terutamanya golongan intelektual dan perkara ini sudah semestinya perlu dibendung (Zainuddin, 2020). Persoalannya, dari manakah akar umbi yang memcabahkan benih ketandusan akhlak dalam kalangan anak-anak dan bagaimana dengan menerapkan ajaran agama dalam institusi kekeluargaan dapat menekan masalah tersebut supaya tidak menjadi lebih parah?

### Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti peranan ibu bapa dalam membentuk generasi Rabbani.
2. Mengkaji cara-cara penerapan ilmu agama dalam kehidupan berkeluarga.

### Permasalahan Kajian

Dalam mendepani arus kemodenan, akhir-akhir ini sering kali kita melihat pengaruh budaya luar merosakkan diri anak-anak sehingga menjadikan mereka lalai bahkan lebih teruk menjadi liar kerana kekosongan ilmu agama dalam diri. Perkembangan teknologi juga merupakan salah satu perkara yang mengalihkan fokus anak-anak dari tujuan asal kehidupan. Sikap acuh tak acuh ibu bapa dalam mengambil berat perihal anak-anak juga merupakan antara faktor kegejutan akhlak yang semakin berleluasa dalam kalangan anak-anak, justeru membuatkan

anak-anak semakin berani untuk mengikuti kehendak hati dan jiwa muda mereka. Bukti yang jelas berkaitan dengan perkara ini menunjukkan sebanyak 13 359 kes salah laku yang berunsurkan jenayah dilakukan oleh pelajar sekolah rendah dan menengah direkodkan pada tahun 2016 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Hamzah, Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial, 2019).

Selain itu, masalah kepincangan akhlak ini juga adalah disebabkan sikap kurang peka ibu bapa terhadap pemantauan aktiviti harian anak mereka. Sikap ini menyebabkan kurangnya komunikasi dua hala serta kekurangan dari segi penerapan agama atau religiositi dalam diri anak-anak sehingga mereka mudah untuk menyimpang dari tujuan asal dan menyebabkan mereka mudah terjerumus untuk melakukan hal-hal yang tidak bermoral lebih parah lagi melangkaui batasan agama. Hakikatnya, agama memainkan peranan penting dalam seseorang kerana melalui agama, ia berkait rapat dengan perkembangan identiti, rutin harian, aktiviti prososial dan kepuasan hidup seseorang. Ibu bapa tidak seharusnya bersikap individualistik dalam membesarkan anak-anak kerana mereka merupakan amanah Allah Swt yang tidak ternilai. (Syazwana Aziz, 2019)

### **Persoalan Kajian**

1. Bagaimanakah dengan penerapan ilmu agama mampu membentuk anak-anak menjadi generasi Rabbani?
2. Apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menerapkan ilmu agama dalam diri anak-anak?

### **Metodologi Kajian**

Penulisan ini adalah berbentuk kajian kualitatif iaitu kajian perpustakaan yang menganalisis artikel, jurnal, serta sumber-sumber lain berkaitan dengan tajuk kajian berkaitan peranan ibu bapa dalam pembentukan generasi rabbaniyah.

### **Dapatan Kajian**

Setelah melihat masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat serta mengetahui penyebab kemerosotan akhlak dalam kalangan anak-anak, ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya didikan agama sejak kecil agar mereka dapat mengharungi kehidupan yang semakin mencabar. Iman yang teguh juga dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak dibenarkan agama. Antara peranan ibu bapa dalam membentuk generasi Rabbani dan perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan generasi Rabbaniyah dapat dicapai adalah dengan

#### **a. Kesedaran Ibu bapa sebagai individu pertama dalam memberi pendidikan agama terhadap anak-anak serta membentuk keperibadian bersifatkan Rabbaniyah.**

Dalam memberi kefahaman agama dan melahirkan masyarakat yang mempunyai sifat Rabbaniyah dalam diri, metode pendidikan perlu digunakan bagi memberi fahaman secara optimal yang meliputi jasmani dan rohani seseorang serta proses pembelajaran ini berlaku dalam keadaan formal dan nonformal. Ini adalah untuk memastikan nilai keagamaan dapat dihadam oleh anak-anak sesuai dengan sifat agama Islam itu iaitu bersifat holistik (menyeluruh), Ibu bapa perlu memberi pendidikan agama yang berkesan kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi. Bukan itu sahaja, bagi mencapai potensi fitrah sebagai manusia, pendidikan perlulah mendasari matlamat iaitu memupuk nilai-nilai rabbaniyah dalam diri

manusia yang bersumberkan kepada tuhan yang menciptakan. Pengenalan terhadap tuhan yang satu perlulah disulami dengan syariat dan akhlak kerana ini yang bakal menjadi asas yang bakal memandu kemana arah mereka. (Meerangani, 2017)

Dengan penerapan pendidikan dan agama, maka secara semulajadinya ia akan merangkumi hal yang berkait dengan fisiologi, psikologi dan peadagogi seseorang (Ahsan, 2020). Ibu bapa perlu menyedari bahawa mereka merupakan tunjang kepada kemenjadian anak-anak kerana secara asasnya, ibu bapa berperanan sebagai pendidik secara tidak langsung kerana anak-anak akan dipengaruhi oleh indikator yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka sama ada watak, tabiat, akhlak, cara pandang, tindakan,nilai, moral dan sifat- sifat lain (Wahidin, 2020). Ini jelas menunjukkan, keyakinan agama perlulah dipupuk dalam diri anak-anak sejak lahir lagi agar menjadi darah daging dalam kehidupan.

Dalam Al-Quran, Allah Swt meletakkan metode pendidikan sebagai asas pemahaman agama, ini tidak lain adalah bertujuan untuk menjadikan hambaNya beribadah kepadaNya serta menjadi khalifah yang mampu memberi manfaat kepada agama bersesuaian dengan ayat yang diturunkan di dalam surah Al Baqarah ayat 30-33 ;“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat :“Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”, kemudian Malaikat bertanya : “Adakah Engkau (Allah swt) hendak menjadikan di bumi itu orang yang membuat kerosakan lalu Dia berfirman : Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”. Kemudian Allah Swt mengajarkan nama-nama semua benda kepada Nabi Adam As dan bertanyakan kepada malaikat adakah malaikat mengetahuinya? Jawab malaikat : :Maha suci Engkau ya Allah, kami tidak mempunyai pengetahuan selain apa yang yang Engkau ajarkan kepada kami”. Kemudian, Allah Swt meminta Nabi Adam As menyebutkan nama-nama (benda) yang telah diajarkan, setelah Nabi Adam As menerangkan nama-nama benda itu, maka Allah Swt berfirman ;”Bukankah aku sudah katakan kepada kamu, bahwasanya Aku mengetahui segala Rahsia di langit dan di bumi, dan aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?” (Al Quran Kareem). Dari ayat ini dapat kita simpulkan bahawa, Allah Swt memberi kepandaian dan pengetahuan kepada Nabi Adam As adalah untuk memberi tanggungjawab kepada manusia untuk menjadi khalifah. Khalifah bermaksud memahami agama, serta melaksanakan perintahNya dan menjauhi laranganNya. Perkara ini menunjukkan pentingnya metode pendidikan yang perlu dipikul oleh ibu bapa dalam memberi kefahaman tujuan utama manusia diciptakan, tidak lain adalah untuk menjadi khalifah di muka bumi dan menjadi hamba yang benar-benar beriman.

### b. Ibu bapa sebagai ‘role model’

Definisi role model mengikut kamus Cambridge English Dictionary ialah ‘a person whose behavior is copied by others’ yang bermaksud seseorang yang diikuti sikapnya oleh orang lain (Cambridge University, n.d.). Jika ditelusuri, tidak dapat disangkal peranan ibu dalam memberi pendidikan kepada anak- anak adalah lebih dominan berbanding ayah. Ini kerana, sifat ibu itu sendiri iaitu mengasuh anak-anak dari mereka lahir hingga dewasa sehingga Allah Swt meletakkan darjah ibu itu jauh lebih tinggi berbanding seorang ayah. Namun begitu, ini tidak menjadikan seorang ayah itu tidak bernilai bahkan, segala perkara yang berlaku dalam sesebuah keluarga itu terletak di atas tanggungjawab seorang ayah sebagai pengemudi keluarga. Bertitik tolak daripada hal ini, ibu bapa perlulah menunjukkan tauladan yang baik kepada anak-anak mereka. Ini kerana ia memberi impak dalam pembentukan karekter anak-anak. Anak-anak akan mencontohi apa yang dilakukan ibu bapa mereka. Ikut-ikutan dan kecenderungan untuk meniru dalam diri adalah seawal tumbesaran mereka. Rasulullah Saw

memperingatkan agar ibu bapa dalam mentarbiah jiwa anak mereka, jangan memberi apa-apa janji yang akan berakhir dengan kebohongan kerana perkara ini sedikit sebanyak akan menganggu jiwa anak mereka sehingga mereka hilang kepercayaan kepada ibu bapa mereka. (Zubaedi, 2019)

**c. Menanam akidah dan akhlak yang utuh dalam diri anak-anak.**

Kecenderungan anak-anak memiliki akidah yang utuh adalah melalui penerapan nilai keagamaan dalam diri anak-anak. Akidah yang terbaik adalah akidah yang diambil dari sifat keperibadian Rasulullah Saw yang mendahului Allah Swt dalam semua urusan kehidupan. Dalam membina masyarakat yang mempunyai kekuatan rohaniah dan membentuk masyarakat Rabbaniyah, akhlak ibu bapa perlulah dijaga terlebih dahulu bagi menjadi rujukan kepada anak-anak. (Hussain, 2007). Antara surah yang banyak menceritakan berkaitan akhlak adalah datangnya daripada surah Al Luqman. Salah satu surah yang menceritakan hak anak-anak terhadap ibu bapa mereka serta akhlak terpuji Luqman, seorang lelaki soleh yang mengabdikan diri tidak lain semata-mata kerana Allah Swt. Selain itu, antara kaedah penerapan akidah dan akhlak juga boleh dilaksanakan oleh ibu bapa dalam menjadikan anak-anak sebagai insan Rabbaniyah, adalah dengan menggunakan metode komunikasi yang berkesan. Tidak dapat disangkal, dengan komunikasi yang berkesan seseorang akan mudah mengikuti apa yang ingin dicapai berbanding dengan teknik komunikasi yang gagal. (Syazwana Aziz, 2019)

Ibu bapa seharusnya bijak menggunakan peluang dalam memberi kefahaman agama dengan mewujudkan susasana yang mesra dan kasih sayang. Ini akan memberikan impak positif kepada anak-anak yang ingin dewasa seterusnya dapat menjadikan mereka sebagai manusia yang mudah untuk mendengar kata. Dalam kajian lain mendapati, anak-anak akan cenderung melakukan kesalahan dalam kehidupan adalah berpuncanya daripada faktor komunikasi yang kurang baik dan konflik komunikasi yang timbul antara keduanya menyebabkan anak-anak hilang kepercayaan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. (Syazwana Aziz, 2019) Dalam kajian Khairul Azhar (2014), penulis menyatakan antara cara membentuk kepribadian anak-anak melalui kaedah yang disarankan agama Islam yang turut dijelaskan di dalam surah Luqman adalah dengan cara memberi panggilan yang baik kepada anak-anak. Dengan panggilan mesra dan kasih sayang, pastinya anak-anak akan merasakan diri mereka dihargai dan disayangi. Panggilan yang baik juga merupakan doa dari ibu bapa terhadap anak-anak dimana antara doa yang mustajab diterima disisi Allah Swt adalah datangnya daripada doa ibu bapa.

**d. Memotivasikan anak-anak mendalamai ilmu agama sejak kecil**

Amat penting bagi ibu bapa untuk memotivasikan anak-anak mereka mendalamai ilmu agama seperti menunaikan tuntutan fardhu, membaca Al-Quran serta mengikuti sunnah Rasulullah Saw. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga berperanan dalam menunjukkan akhlak yang mulia kerana mereka menjadi contoh tauladan kepada anak-anak. Di samping itu, ibu bapa perlu pandai dalam berkomunikasi dengan anak-anak mereka apatah lagi apabila mereka meningkat dewasa, ini kerana mereka dalam fasa mencari jati diri serta melalui peralihan emosi dari kanak-kanak ke dewasa. Hasil dari penerapan ilmu agama ini, ianya dapat membantu dalam meningkatkan keperibadian anak-anak ke arah mempunyai nilai-nilai rabbaniyah dalam diri, serta dapat menguatkan karakter mereka (Wahidin, 2020).

### e. Dakwah dan Pemantauan yang berterusan oleh ibu bapa

Seperti mana dalam ayat Al Quran dari surah Al Luqman ayat (31:17), Allah Swt menjelaskan peranan ibu bapa sebagai pendakwah kepada anak-anak dan ini menunjukkan bahawa pendekatan dakwah serta pemantauan juga dapat memberi impak yang positif kepada anak-anak. Anak-anak cenderung untuk melaksanakan amalan keagamaan dengan panduan daripada ibu bapa mereka. Abdullah Nasih Ulwan (2004) dalam hujahnya menjelaskan, dakwah yang hikmah dan berterusan dapat membentuk keperibadian yang mulia, menjadikan anak-anak patuh pada agama serta menghormati orang lain dan menjauhi perkara-perkara mungkar di sisi agama. (Abdul Munir Ismail, 2014) Dalam konteks ini, anak-anak akan merasa bahawa ibu bapa mereka memberikan sepenuh perhatian dan memastikan kepatuhan secara tuntas dalam menjalani serta mengamalkan ajaran agama kepada mereka.

### Cadangan

Kewajipan memberi pendidikan agama tidak hanya sekadar melepaskan batuk ditangga, tetapi perlulah dengan pemantauan yang berterusan oleh ibu bapa. Selain itu, ibu bapa perlu memantapkan ilmu agama terutama dalam hal-hal fardhu ain dalam diri mereka sebelum di sampaikan kepada anak-anak serta menjadi ibu bapa contoh terhadap anak-anak. Tugas mendidik tidak hanya diletakkan kepada seorang sahaja tetapi pasangan perlu mengambil peranan dalam memberikan didikan sempurna terhadap anak-anak, dan sentiasa menjadi pendengar yang baik serta mengetahui masalah anak-anak agar generasi Rabbaniyah dapat dibentuk dalam suasana yang penuh kasih sayang.

### Rumusan

Natijahnya, ibu bapa perlulah sentiasa peka dan berkaliber dalam membentuk keperibadian anak-anak mereka supaya anak-anak dapat menjalani kehidupan mereka dengan baik serta melahirkan keluarga yang berteraskan prinsip Rabbaniyah iaitu menghambakan diri tidak lain semata-mata kerana Allah Swt. Ini juga digunakan dalam merealisasikan keluarga yang harmoni dan tenang serta mematuhi syariat. Ini kerana, kehidupan kita tidak hanya terhad di dunia sahaja tetapi hingga ke akhir hayat. Tanggungan inilah yang akan dibawa oleh ibu bapa kelak bersua dengan yang Maha Mencipta.

### Rujukan

- Abdul Munir Ismail, M. J. (2014). Dakwah Ibu Bapa Kepada Anak-Anak Dalam Kalangan Suku Banjar Daerah Krian, Perak. *Dept Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris.*
- Ahsan, M. (2020). Implementasi Metode Tarbiyah Rasulullah Kepada Sahabat di Pesantren Zainul Hasan Genggong. *Doctoral dissertation, Institut Pesantren KH. Abdul Chalim. Al Quran Kareem.* (n.d.).
- Cambridge University. (n.d.). Retrieved from <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/role-model>
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (n.d.). Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rabbani>
- Fauziah Ibrahim, N. S. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Sciences And Humanities*, 84-93.

- Habibie Bte Hj Ibrahim, M. M. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal* (pp. 18 - 24). Malaysia: Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Hamzah, A. A. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*, 1-17.
- Hasbi, W. (2012). Keluarga Sebagai Basis Pendidikan Pertama dan Utama. *Jurnal Ilmiah DIDAKTIKA*, 245-258.
- Hung, F. W. (2020, Julai 29). *Utusan Malaysia*. Retrieved from Setiap manusia dilahirkan muslim: <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/07/setiap-manusia-dilahirkan-muslim/>
- Hussain, R. R. (2007). Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*, 9.
- Junoh, H. (2011). *Faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Malaysia: UTHM.
- Meerangani, K. A. (2017). Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan*. Malaysia: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Persekutuan, M. W. (2018, Mac 15). *Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from Al-Afkar 9: Fenomena Agnostik Kalangan Muda Mudi: <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/2345-al-afkar-9-fenomena-agnostik-kalangan-muda-mudi>
- Publishers, H. (n.d.). *Collins Dictionary*. Retrieved from <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/role>: <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/role>
- Pustaka, D. B. (2017). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=peranan>
- Robaeah, W. N. (2020). Konsep pendidikan Rabbani dalam Al-Qur'an surah Ali-Imran ayat 79 dan ayat 80: Analisis Ilmu Pendidikan Islam. In D. Dissertation. Bandung: UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Rouyan, M. Z. (2016). Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Personaliti Dan Keperibadian. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* (pp. 106-115). Malaysia: Universiti Malaysia Pahang.
- Rufaedah, E. A. (2016). Peranan Pendidikan Agama Dalam Keluarga Terhadap Kepribadian Anak-Anak. *Fakultas Agama Islam Universitas Wiralodra*.
- Sa'ari, S. S. (2020). Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 130-144.
- Syazwana Aziz, S. N. (2019). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa. *Jurnal Sains Sosial*, 93-101.
- Wahidin, M. S. (2020). Pendidikan Rabbani Untuk Penguatan Karakter Remaja. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 149-160.
- Zainuddin, P. M. (2020, Mac 11). *Agnostik menggugat akidah*. Retrieved from My Metro: <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/03/553313/agnostik-menggugat-akidah>
- Zubaedi, Z. Z. (2019). Optimalisasi Peranan Ibu Dalam Mendidik Karakter Anak Usia Dini Pada Zaman Sekarang. *Al Fitrah: Journal Of Early Childhood Islamic Education*, 49-63.